



# Bersama

Assalamualaikum w.b.t dan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Zuraidah kerana sudi meluangkan masa bersama Majalah MyUniMAP. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Prof. Dr. Zuraidah diatas kenaikan pangkat sebagai Profesor yang telah berkuatkuasa 1 Jun 2008 yang lalu. Saya dikhabarkan pelbagai aspek yang dititikberatkan oleh panel pemilihan dan saya pasti Prof. menepati segala aspek-aspek tersebut antaranya penyeliaan kerja, penyelidikan, perundingan, persidangan, penerbitan, khidmat kepada universiti dan masyarakat serta kepimpinan Prof dalam akademik. Sekali lagi Tahniah Prof.

*Umum sedia maklum bahawa Prof. Dr. Zuraidah Mohd Zain merupakan Dekan bagi Pusat Hal Ehwal Antarabangsa. Bolehkah Prof. ceritakan mengenai sejarah penubuhan PHEA dan perkembangannya sehingga kini?*

Pusat Hal Ehwal Antarabangsa, atau lebih dikenali sebagai 'CIA' (iaitu Centre for International Affairs') ditubuhkan pada tahun 2006. Sebelum itu, urusan antarabangsa dikendalikan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik). Sejak dulu lagi, pengantarabangsaan dianggap sebagai sebahagian urusan akademik, dan Universiti ini sememangnya mengambil berat urusan antarabangsa.

Apabila portfolio antarabangsa diletakkan secara berasingan (ini berlaku apabila nama jawatan 'Timbalan Naib Canselor (Akademik)' ditukar kepada 'Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)', maka keperluan untuk mengadakan satu pusat yang khusus menjalankan kerja-kerja pengantarabangsaan menjadi lebih penting lagi. Maka, 'Unit Hal Ehwal Antarabangsa' ditubuhkan, dan tidak lama selepas itu, diubah kepada 'Pusat Hal Ehwal Antarabangsa'. Penukaran status daripada 'unit' kepada 'pusat' mencerminkan peningkatan bidang tugas dan juga kepentingan agenda antarabangsa bagi UniMAP.

*Apakah kemudahan -kemudahan yang disediakan oleh PHEA kepada kakitangan dan para pelajar serta medium apakah yang diguna oleh PHEA bagi mempromosikan kemudahan -kemudahannya?*

PHEA menjalankan hampir kesemua kerja-kerja yang melibatkan urusan antarabangsa di Universiti ini. Program seperti pertukaran pelajar, penerimaan tetamu antarabangsa, persediaan warga UniMAP ke luar negara, 'event management' bagi projek-projek antarabangsa antara perkara yang ditangani setiap hari. Kebajikan warga antarabangsa juga dititik beratkan. Sebagai contoh, PHEA membantu dalam urusan pengangkutan warga 'expat' serta membantu mencari rumah sewa untuk mereka.

Medium yang digunakan untuk mempromosikan kemudahan-kemudahan PHEA ialah Bahasa Inggeris. Walaubagaimanapun, sebagaimana pusat tanggungjawab-pusat tanggungjawab (PTJ) lain di UniMAP, bahasa pengantara yang digunakan dalam urusan harian pentadbiran pejabat ialah Bahasa Malaysia.

*Adakah kemudahan - kemudahan yang disediakan tersebut mencapai matlamatnya?*

Setakat ini rasanya tercapai. Walaubagaimanapun, masih terdapat banyak ruang untuk penambahbaikan.

Saya pasti setiap kali bermulanya satu tahun yang baru, setiap unit dan jabatan di UniMAP akan merangka program-program yang mengisi jadual pergerakan tahunannya. Jadi, apakah program-program yang dirangka oleh PHEA untuk tahun ini.

Sebelum saya menjawab soalan itu, wajar dijelaskan bahawa pengantarabangsaan UniMAP merangkumi pengantarabangsaan urusan akademik, urusan penyelidikan & pembangunan, urusan pembangunan insan, dan urusan pentadbiran. Jadi, pengantarabangsaan UniMAP melibatkan kesemua PTJ di Universiti ini dan bukannya PHEA sahaja. PHEA memudahkan cara dan membantu PTJ mencapai matlamat pengantarabangsaannya. Sekiranya semua PTJ mencapai matlamat pengantarabangsaan masing-masing, maka insya Allah matlamat pengantarabangsaan Universiti juga turut tercapai.



# **Dekan Pusat Hal Ehwal Antarabangsa**

## **PROF. DR. ZURAIDAH MOHD. ZAIN**

Pada tahun ini, PHEA akan mempergiatkan penyeliaan dan pemudah-caraan program-program pengantarabangsaan PTJ, khususnya di pusat-pusat pengajian. Selain itu, PHEA berhasrat memperluaskan jaringan antarabangsa UniMAP dengan menghubungi dan menjalin hubungan dengan universiti-universiti antarabangsa yang belum lagi dikenali.

**Apakah strategi atau pendekatan yang digunakan oleh Prof. bagi merealisasikan matlamat yang digariskan oleh PHEA ?**

Saluran komunikasi yang jelas antara staf PHEA, serta, lebih penting lagi, saluran komunikasi yang jelas dan mudah antara PHEA dengan PTJ-PTJ lain di Universiti ini. Sekiranya terdapat saluran di mana dialog dan perbincangan dapat dilakukan sebelum, semasa, dan sesudah bermulanya sesebuah program pengantarabangsaan, maka besar kemungkinan program tersebut, dan program-program lain, dapat dilaksanakan dengan jayanya.

**Saya difahamkan bahawa PHEA juga mempunyai 'Rakan Pendamping Antarabangsa', bolehkah Prof. jelaskan mengenai perkara ini secara terperinci?**

'Rakan Pendamping Antarabangsa' (atau 'RPA') adalah pelajar-pelajar UniMAP yang berminat untuk membantu warga antarabangsa yang datang ke sini. Sebagai contoh, kita sering menerima pelajar tetamu daripada Indonesia, Germany dan Finland, dan mereka ini perlu 'ditemani' selama beberapa hari apabila mereka mula sampai di sini. RPA (yang dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan PHEA) bertugas menemani pelajar-pelajar tetamu ini menyesuaikan diri di sini. Dengan cara ini, kebijakan pelajar-pelajar tetamu terpelihara, dan RPA pula mendapat pengalaman yang berguna semasa mengenali dan menemani tetamu-tetamu ini.

**Setakat hari ini, apakah cabaran dan kekangan yang dihadapi oleh Prof. dan kakitangan PHEA dalam melaksanakan tugas - tugas yang diamanahkan kepada PHEA dalam membantu meningkatkan UniMAP setanding dengan universiti yang lebih lama?**

Cabarannya utama PHEA ialah kesuntukan masa! Terlalu banyak yang hendak dilaksanakan setiap hari. Jadi, staf PHEA perlu bersedia menjalankan tugas walaupun di luar waktu pejabat. Walaubagaimanapun, adalah lebih penting lagi bagi staf PHEA untuk melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan, iaitu dalam masa yang singkat tanpa mengkompromi kualiti kerja.

**Apakah pandangan Prof. mengenai PHEA, maksud saya kekurangannya dan cara Prof. menanganinya (penambahbaikan)?**

Saya rasa tiada kekurangan, hanya cabaran. Dalam apa juar keadaan, walau dilengkapi dengan sistem dan infrastruktur yang canggih dan lengkap sekalipun - yang sepatutnya diterjemahkan kepada 'tiada kekurangan' -- saya pasti akan

ada juga kekurangan, atau lebih tepat lagi, cabaran. Cabaranlah yang 'menghidupkan' kerja. Tanpa cabaran, rasanya kerja menjadi membosankan, dan si-pekerja pula mula mencari kerja lain yang menjanjikan cabaran.

Jadi di PHEA, kita mengalu-alukan cabaran. Apabila ia datang, kita mencari jalan mengatasinya, dan menambahbaik proses dan sistem kita agar pengajaran daripada cabaran-cabaran yang lepas dapat dimanfaatkan.

**Apakah yang Prof. harapkan dari PHEA untuk jangka masa 10 tahun dari sekarang?**

Saya melihat UniMAP sebagai universiti bertaraf antarabangsa yang disegani di rantau ini, malah di dunia sekalipun.

Saya melihat PHEA sebagai pusat antarabangsa yang menjadi tumpuan dan rujukan banyak universiti yang ingin belajar bagaimana pengantarabangsaan universiti dapat digerakkan dengan berkesan. Insya Allah.

